

www.terengganu-inc.com

BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT



TERENGGANU INC
200601005493(725242-P)

KEBERANGKATAN DULI YANG TERAMAT MULIA, YANG DI-PERTUAN MUDA TERENGGANU KE TERENGGANU INC

KUNJUNGAN
HORMAT ZK RACING
KE TERENGGANU INC

EOGSB & BEGAS ENERGY
METERAI PERJANJIAN
KOLABORASI BAGI
PROJEK HENTI
TUGAS TERANCANG,
PENYELENGGARAAN
DAN PENGUBAHSUAIAN
TERMINAL DI SABAH

SATU JADI TUAN
RUMAH MESYUARAT
PEGAWAI MEMERINTAH
60 REJIMEN PAKAR
AIR RAJD – PERKUKUH
KERJASAMA STRATEGIK
SEKTOR PERTAHANAN
DAN UTILITI AIR

SELANJUTNYA





BULETIN 2026 :
Keberangkatan DTYM Raja Muda Terengganu ke majlis anjuran Terengganu Inc mencerminkan perkenan dan sokongan Baginda terhadap perkembangan terkini Terengganu Inc melalui pelbagai inisiatif strategik, program pembangunan serta penganjuran acara bertaraf antarabangsa, di samping menitipkan perhatian diraja terhadap tanggungjawab sosial korporat yang merentasi pelbagai sektor dan komuniti.

SIDANG REDAKSI

KETUA EDITOR

SURIDAH SUPIAN

PANEL PENULIS

AFIQAH MOHAMAD
MASHALISA MUSA
TAJUL ARIFFIN
IZZAH ROZALI

SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA:



KANDUNGAN

- 02** Kata Alu-Aluan PGCEO
Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia, Yang Di-Pertuan Muda Terengganu ke Terengganu Inc
Terengganu Inc – Townhall 1/2026 bersama Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
EPIC Berhad Melalui EPIC Properties Sdn Bhd telah Memeterai Perjanjian dengan Kerjasama bersama Advantage Marine Services Sdn Bhd (AMS)
- 04** Kunjungan Hormat ke Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) – Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Yang Baharu
SATU Jadi Tuan Rumah Mesyuarat Pegawai Memerintah 60 Rejimen Pakar Air Rajd — Perkukuh Kerjasama Strategik Sektor Pertahanan dan Utiliti Air
- 05** TDM Berhad Meterai MOU bersama UCB Perkukuh Kerjasama Industri dan Akademi
EPIC Berhad Rasmi Auditorium EPIC, Hab Latihan dan Libat Urus Warga Kerja
- 06** “EPIC Safe Start 2026” Jadi Pentas Perkongsian dan Pemantapan Aspek HSSEQ
Majlis Apresiasi ISO & CGSO 2025: SATU Raikan Kecemerlangan, Pematuhan dan Integriti Warga Kerja
- 07** Kunjungan Hormat ZK Racing ke Terengganu Inc
- 08** Penajaan Kumpulan Terengganu Inc – Air Mata Aceh
TDM Berhad Focus 30 Townhall Roadshow
- 09** SATU Perkukuh Infrastruktur Bekalan Air di Daerah Besut Demi Kesejahteraan Komuniti Setempat
“EPIC Golf Tournament 2026” Perkukuh Sinergi Pemain Industri Minyak, Gas dan Tenaga.
- 10** EOGSB & Begas Energy Meterai Perjanjian Kolaborasi bagi Projek Henti Tugas Terancang, Penyelenggaraan dan Pengubahsuaian Terminal di Sabah
Terengganu Inc Mengadakan Kunjungan Hormat kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri
- 11** Kumpulan Terengganu Inc Memperuntukkan RM1 Juta bagi Biasiswa Yt-Ti Young Talent Scholarship Programme 2025 Terengganu
- 12** Golden Pharos Berhad Melalui Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Mengadakan Program Derma Darah
GP Agroforestry Back to School
- 13** TDM Berhad Santuni Anak Asnaf Melalui Program ‘Back To School’ 2026
Kerjasama Strategik Manis FM Dan HSNZ: Memperkasa Budaya Pendermaan Darah di Terengganu
- 14** Program Kembali ke Sekolah 2026: SATU Hulur Set Kelengkapan Sekolah kepada 40 Pelajar Mangsa Banjir di Dun Bukit Payung
Komitmen Yang Merentas Jarak, Demi Kehidupan — SATU dan 60 Rejimen Pakar Air Rajd Pastikan Bekalan Air Bersih di Pulau Perhentian Kecil
- 15** EPIC Berhad Teruskan Sokongan Kepada Skwad TSG, Suntik Tajaan Musim 2026
Siri Kedua EPIC Jom Bersih 2026 Kumpul 426 KG Sampah di Pantai Batu Buruk 2
- 16** TDM Berhad Anjur Program Go Green: Back To School & Kesedaran Kitar Semula di SK Padang Kubu
Kasih Ramadan: SATU Menyalurkan 60,000 Botol Air Mineral Untuk Masjid di Negeri Terengganu
- 17** Terengganu Inc Padang Maras Fun Run 3.0
- 18** Agihan Bubur Lambuk – Acara Tahunan Terengganu Inc di Masjid Abidin
TDM Berhad Memeriahkan Aidilfitri bersama Anak Yatim dan Asnaf DUN Pengkalan Berangan
- 19** EPIC Berhad Santuni 140 Anak Asnaf Kuala Terengganu Melalui Program Jalinan Kasih Ramadan 2026
SATU, JBA dan KKDW Turun Padang di Daerah Besut — Nilai Keperluan Bekalan Air Luar Bandar Secara Menyeluruh
- 20** Santai Iftar Bersama Media: Terengganu Inc Hargai Peranan Pengamal Media Sempena Ramadan
- 21** Zakat Asnaf 2026 & Majlis Berbuka Puasa: LRTSB Hulurkan Lebih RM300,000 kepada Komuniti Sempena Ramadan
Meraikan Ramadan Dengan Penuh Makna: Ladang Rakyat Terengganu Anjur Majlis Iftar dan Agihan Zakat kepada Sekolah Agama Rakyat
- 22** Terengganu Inc bersama Anak Syarikat Kumpulan Menyertai PELITER@KSNT 2026
- 23** Lokan Bakar Setiu Jadi Tarikan Utama Rumah Pelita Raya Terengganu Inc 2026
- 24** Qaseh Ramadan: Terengganu Inc dan UITM Kuala Terengganu Hulur Bantuan kepada Pelajar Asnaf SK Paya Resak
Terengganu Inc Menyantuni 30 Keluarga Asnaf dan Kurang Berkemampuan di DUN Langkap, Setiu dalam Program Tahun Jejak Ramadan 1447H/2026M
- 25** Jom Shopping Raya: Terengganu Inc Bawa 30 Murid SK Gondang Beraya di KTCC Mall
Terengganu Inc Raikan 150 Murid dan Pelajar Menerusi Program Qaseh Ramadan Sempena Bulan Ramadan yang Penuh Keberkatan
- 26** Terengganu Inc Anjur Majlis Khatam Al-Quran dan Iftar Ramadan Buat Kali Keenam
TI Properties Sdn Bhd Menyantuni 70 Orang Ibu Tunggal Melalui Program Sentuhan Kasih Aidilfitri

KATA ALU-ALUAN PENGERUSI KUMPULAN TERENGGANU INC



segala puji bagi Allah SWT.

Dengan rahmat dan izin-Nya, Kumpulan Terengganu Inc terus mengorak langkah ke hadapan dengan penuh keyakinan, mencatat pencapaian yang membanggakan merentas pelbagai sektor. Kejayaan ini lahir daripada komitmen berterusan dalam melaksanakan inisiatif strategik serta kerjasama erat bersama rakan kongsi, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

MELANGKAH KE TAHUN 2026, KAMI BERTEKAD UNTUK MEMPERKUKUH ASAS KECEMERLANGAN MELALUI TADBIR URUS YANG PROGRESIF DAN BERDAYA TAHAN. STRATEGI PERNIAGAAN JANGKA PANJANG KAMI AKAN TERUS MENGINTEGRASIKAN SEMUA ASPEK KRITIKAL BAGI MEMASTIKAN PERTUMBUHAN YANG MAPAN DAN INKLUSIF. ANTARA AGENDA UTAMA IALAH PEMANGKINAN TEKNOLOGI HIJAU SEBAGAI JENTERA PERTUMBUHAN BAHARU, TERUTAMANYA MELALUI PERLUASAN PROJEK SOLAR TERAPUNG HIBRID HIDRO – SATU LANGKAH TRANSFORMATIF YANG SEIRING DENGAN MISI KAMI UNTUK MEMACU PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI YANG MAMPAN DI TERENGGANU.

Di samping itu, kami kekal komited untuk memberikan impak positif kepada rakyat melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang komprehensif. Pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan merangkumi bidang kebajikan, pendidikan, dan pembangunan komuniti – sebagai manifestasi penghargaan kami terhadap sokongan berterusan masyarakat Terengganu.

YAB DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
Menteri Besar Terengganu merangkap
Pengerusi Terengganu Inc



Menyambut edisi pertama Buletin bagi tahun 2026, kami berkongsi pelbagai kisah transformasi, pencapaian dan momentum kejayaan seluruh warga Kumpulan Terengganu Inc.

Terengganu Inc memasuki tahun 2026 dengan keyakinan tinggi berikutan prestasi yang konsisten dan pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun-tahun sebelumnya. Kejayaan ini membuktikan ketahanan dan keupayaan kita untuk terus relevan dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah, sambil menerajui inovasi yang membawa impak maksimum.

TAHUN 2026 MENYAKSIKAN KAMI MENGAMBIL LANGKAH BERANI KE HADAPAN DENGAN VISI YANG LEBIH JELAS – MEMPERKASA PERTUMBUHAN MAMPAN MELALUI STRATEGI HOLISTIK YANG MENYEIMBANGKAN KECEMERLANGAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT. KAMI PERCAYA KEJAYAAN HAKIKI BUKAN SEKADAR DIUKUR MELALUI KEUNTUNGAN, TETAPI MELALUI LEGASI YANG KITA TINGGALKAN – SAMA ADA KEPADA MASYARAKAT YANG LEBIH SEJAHTERA, NEGERI YANG LEBIH MAJU, MAHUPUN ALAM SEKITAR YANG TERPELIHARA UNTUK GENERASI HADAPAN.

Mari kita hayati tahun 2026 ini dengan penuh komitmen, inovasi dan keazaman untuk mencapai kecemerlangan baharu yang lebih bermakna.

YBHG. DATO' BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc



KEBERANGKATAN DULI YANG TERAMAT MULIA, YANG DI-PERTUAN MUDA TERENGGANU KE TERENGGANU INC

09 JANUARI 2026

TERENGGANU INC BERBESAR HATI MENERIMA KEBERANGKATAN DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU MUHAMMAD ISMAIL IBNI AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, YANG DI-PERTUAN MUDA TERENGGANU KE TERENGGANU INC, DALAM RANGKA LAWATAN KERJA BAGINDA.

Keberangkatan Baginda diiringi oleh YBhg. Dato' Ab Rased Jusoh, Pengarah Tanah dan Galian dan disambut oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bersama ketua-ketua syarikat Kumpulan dan pengurusan Terengganu Inc.

Sesi lawatan dimulakan dengan Baginda menandatangani plaque sempena lawatan ke Terengganu Inc diikuti taklimat yang dipersembahkan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menerangkan mengenai operasi serta peranan strategik Terengganu Inc dalam memacu pembangunan ekonomi negeri Terengganu.



TERENGGANU INC – TOWNHALL 1/2026 BERSAMA PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

11 JANUARI 2026

Terengganu Inc telah mengadakan 'Town Hall' pertama bagi tahun 2026, satu perkongsian komprehensif dan strategik daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun.

Program ini telah memperlihatkan gambaran menyeluruh mengenai prestasi kewangan Kumpulan Terengganu Inc, menjelaskan pertumbuhan yang memberangsangkan, pencapaian penting dari segi kewangan pada tahun sebelumnya, serta kejayaan strategik yang dicatatkan sepanjang tahun 2025.

Dalam ucapannya, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menggariskan hala tuju strategik Kumpulan untuk tahun 2026, termasuk perkembangan terkini projek-projek yang sedang berjalan, inisiatif baharu yang akan dilaksanakan, serta usaha berfokus untuk mengenal pasti dan membangunkan sumber pendapatan baharu bagi mengukuhkan lagi kemampuan kewangan dan pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

Sepanjang sesi berkenaan, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkongsi pandangan beliau dengan penuh pertimbangan, memupuk penglibatan yang positif dan mengukuhkan hubungan baik dengan para pekerja. Terengganu Inc kekal optimis tentang peluang-peluang di hadapan dan berharap dapat memanfaatkan potensi yang akan dibawa oleh tahun 2026.



EPIC BERHAD MELALUI EPIC PROPERTIES SDN BHD METERAI PERJANJIAN DENGAN KERJASAMA BERSAMA ADVANTAGE MARINE SERVICES SDN BHD (AMS)



09 JANUARI 2026

EPIC Berhad, menerusi anak syarikat Eastern Pacific Properties Sdn Bhd (EPPSB), telah memeterai satu perjanjian kerjasama strategik bersama Advantage Marine Services (Malaysia) Sdn Bhd (AMS) melalui sebuah majlis bagi pelaksanaan projek tenaga solar di Gelang Patah, Johor. Melalui perjanjian tersebut, EPPSB dilantik sebagai penyedia utama infrastruktur sistem Solar Fotovoltaiik (PV) untuk kemudahan gudang dan limbungan AMS. Projek tersebut melibatkan pemasangan sistem Solar PV atas bumbung berkapasiti 74.4 kWp yang akan dilaksanakan di bawah skim "Solar Accelerated Transition Action Programme" (Solar ATAP).

Majlis pemeteraian perjanjian telah disempurnakan oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, bersama Andrew Teow, Pengarah Urusan AMS. Turut hadir ialah Encik Azman Muda, Ketua syarikat EPPSB, serta Victor Wong, Pengarah AMS.

Kerja-kerja pemasangan dijadualkan bermula awal Februari 2026, dengan tempoh pelaksanaan selama 40 hari, merangkumi fasa reka bentuk sistem, perolehan bahan, pemasangan, pengujian serta pentauliahan. Projek ini merupakan projek pertama EPPSB di Johor, sekali gus menandakan langkah strategik dalam menembusi pasaran Wilayah Selatan serta memperluaskan penawaran perkhidmatan penyelesaian tenaga boleh baharu syarikat di peringkat nasional.



KUNJUNGAN HORMAT KE PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT) – KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN YANG BAHARU



14 JANUARI 2026 Terengganu Inc telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan baharu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Tuan Haji Abdul Hadi Alias, bagi tujuan mengukuhkan hubungan strategik serta meneroka potensi bidang kerjasama antara dua organisasi utama berkaitan negeri yang menerajui agenda pembangunan Terengganu.



Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, diiringi oleh Encik Mohd Roslan Mamat, Ketua Pegawai Eksekutif Golden Pharos Berhad; Encik Noor Mohd Suhaimie bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif GPQ Sdn Bhd; serta pengurusan Terengganu Inc.

SATU JADI TUAN RUMAH MESYUARAT PEGAWAI MEMERINTAH 60 REJIMEN PAKAR AIR RAJD – PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK SEKTOR PERTAHANAN DAN UTILITI AIR

14 JANUARI 2026

KERJASAMA STRATEGIK ANTARA SEKTOR PERTAHANAN DAN UTILITI AIR TERUS DIPERKUKUH MENERUSI PENGANJURAN MESYUARAT PEGAWAI MEMERINTAH 60 REJIMEN PAKAR AIR RAJD (AW) YANG TELAH BERLANGSUNG DI IBU PEJABAT SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU).



Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Bahagian Operasi Wilayah SPAN, Lt. Kol. Ir. Mohd Jallaludin bin Sulaiman ini telah menghimpunkan pegawai-pegawai kanan syarikat bekalan air seluruh Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) serta Indah Water Consortium, melibatkan barisan Ketua Pegawai Eksekutif dan ketua-ketua jabatan daripada pelbagai agensi yang terlibat.

Sebagai tuan rumah, SATU turut diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mej (K) Ts. Haji Abdul Karim bin Endut, yang hadir selaku pemerhati mesyuarat,

mencerminkan komitmen berterusan SATU dalam menyokong kerjasama rentas agensi yang strategik dan berimpak tinggi demi kepentingan negara.

Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada pembentangan pencapaian operasi, latihan, pengurusan sumber manusia dan logistik bagi tahun 2025, serta memuktamadkan perancangan strategik bagi tahun 2026, selaras dengan usaha memperkukuh kesiapsiagaan, kesinambungan perkhidmatan dan pengurusan sumber air negara secara menyeluruh dan mampan.



TDM METERAI MOU BERSAMA UCB PERKUKUH KERJASAMA INDUSTRI DAN AKADEMI



13 JANUARI 2026 TDM BERBESAR HATI MENJADI RAKAN INDUSTRI DALAM PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA UNIVERSITY COLLEGE BESTARI (UCB) DI DEWAN TEATER UCB, MELIBATKAN 15 RAKAN STRATEGIK INDUSTRI.

Majlis pertukaran dokumen MoU disaksikan oleh YM Prof. Dato' Dr. Tengku Mahmud bin Mansor, Pengerusi Pengelola UCB, serta dihadiri wakil TDM, Encik Ahmad Shukri Mohd Ali, Ketua Sumber Manusia dan Pentadbiran. Kerjasama ini bertujuan meningkatkan kebolehasaran graduan melalui latihan industri, pendedahan dunia pekerjaan serta aktiviti penyelidikan dan pemindahan ilmu. TDM dilantik sebagai rakan strategik Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UCB hingga 2029, selaras dengan UNSDG 4: Pendidikan Berkualiti.



EPIC BERHAD RASMI AUDITORIUM EPIC, HAB LATIHAN DAN LIBAT URUS WARGA KERJA

EPIC BERHAD MERASMIKAN AUDITORIUM EPIC, SEBUAH FASILITI BERKEMUDAHAN LENGKAP YANG TERLETAK DI FASA DUA, PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN, SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA BERTERUSAN KUMPULAN DALAM MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR SOKONGAN ORGANISASI.

26 JANUARI 2026

Auditorium ini merupakan sebahagian daripada fasiliti EPIC Excellent Learning Centre (EELC) yang mula beroperasi pada tahun 2023 dan diuruskan oleh Jabatan Latihan.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, dan disaksikan oleh Encik Wan Mohd Azilah Wan Abdullah, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Haji Mohd Sukeri Muhammad,



Pengurus Besar Sumber Manusia, Integriti dan Pentadbiran, serta barisan pengurusan kanan Kumpulan EPIC.

Penaiktarafan fasiliti ini mencerminkan komitmen syarikat dalam memperkasa pembangunan modal insan serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi warga kerja, di samping memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti dan pelbagai kepada penyewa serta pelanggan Kumpulan EPIC.



“EPIC SAFE START 2026” JADI PENTAS PERKONGSIAN DAN PEMANTAPAN ASPEK HSSEQ

26 JANUARI 2026



EPIC BERHAD TELAH MENGANJURKAN PROGRAM TAHUNAN “EPIC SAFE START” DI PREMIS OPERASI SYARIKAT DI TELUK KALONG, KEMAMAN, SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KOMITMEN BERTERUSAN DALAM MEMPERKUKUH KESEDARAN KESELAMATAN, PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN HSSEQ MERENTASI SEMUA PERINGKAT OPERASI.

Penganjuran ini menjadi platform penting yang menghimpunkan barisan kepimpinan dan warga kerja EPIC Berhad bersama para pelanggan serta kontraktor pengendali petroleum (PAC) bagi memperkukuh pemahaman terhadap kepentingan kepimpinan keselamatan, tanggungjawab bersama dan pengamalan budaya kerja selamat yang proaktif dalam setiap aktiviti operasi.

Penekanan diberikan terhadap keperluan mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko secara sistematik bagi mencegah insiden serta memastikan persekitaran kerja yang selamat dan terkawal.



MAJLIS APRESIASI ISO & CGSO 2025: SATU RAIKAN KECEMERLANGAN, PEMATUHAN DAN INTEGRITI WARGA KERJA



29 JANUARI 2026

Syarikat Air Terengganu (SATU) baru-baru ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi ISO & CGSO 2025 bertempat di Permai Hotel, Kuala Terengganu, bagi meraikan pencapaian cemerlang dan dedikasi warga kerja dalam mengekalkan tahap kecemerlangan tertinggi dari segi keselamatan, kualiti dan tadbir urus organisasi.



27 JANUARI 2026

TERENGGANU INC DENGAN PENUH BANGGA MERAIKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DUA BAKAT MUDA DALAM SUKAN PEMOTORAN MALAYSIA, IAITU HAKIM DANISH RAMLI DAN QABIL IRFAN AZLAN, MELALUI KEJAYAAN TERKINI MEREKA TERUS MENGANGKAT NAMA NEGARA DI PERSADA PERLUBAAN ANTARABANGSA.



KUNJUNGAN HORMAT ZK RACING KE TERENGGANU INC

Qabil Irfan Azlan telah muncul sebagai Juara ESBK Talent Championship 2025, dengan persembahan luar biasa merangkumi enam kemenangan perlubaan dan empat pengakhiran podium sepanjang musim. Sementara itu, Hakim Danish Ramli telah merakam keputusan membanggakan dalam Red Bull MotoGP Rookies Cup (RBMRC) dan sedang bersedia untuk mencapai mercu kejayaan baharu dalam kerjayanya apabila beliau bakal memulakan penglibatan dalam Kejohanan Moto3 tahun ini.



Sebagai penaja rasmi sejak tahun 2023, Terengganu Inc kekal teguh dalam komitmennya untuk menyokong pembangunan sukan pemotoran di Malaysia, dengan fokus yang jelas terhadap usaha mengenal pasti, memupuk dan memajukan bakat-bakat muda pemandu lumba yang berpotensi tinggi. Komitmen jangka panjang ini mencerminkan dedikasi Terengganu Inc dalam membina saluran bakat yang mampan bagi terus mengukuhkan kehadiran Malaysia di arena pemotoran peringkat serantau dan antarabangsa.



Majlis yang penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh Ts. Haji Abdul Karim bin Endut, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, bersama barisan pengurusan kanan iaitu Encik Osman bin Mohd, Pengurus Besar Kanan Operasi; Encik Mohammad Noor bin Mohd Jamil, Pengurus Besar Kanan Perancangan, Pembangunan, Aset & Teknologi; serta Puan Azullaiha binti Abdullah, Pengurus Besar Integriti & Pengurusan Risiko. Turut hadir para Pengurus Daerah dan Seksyen yang menjadi tunjang utama dalam pelaksanaan sistem dan pematuhan piawaian di peringkat lapangan.





05 FEBRUARI 2026

Kumpulan Terengganu Inc dengan penuh rasa tanggungjawab di atas bencana alam yang berlaku di Aceh telah memantapkan komitmen sumbangan anak-anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc sebanyak RM101,000 bagi Tabung Bencana Terengganu: Air Mata Aceh melalui satu majlis penyerahan 'mock cheque' yang berlangsung di Wisma Darul Iman.

Majlis penyerahan sumbangan ini telah diserahkan oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc kepada YB Dato' Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Setiausaha Kerajaan Terengganu yang turut disaksikan oleh YB Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO.



PENAJAAN KUMPULAN TERENGGANU INC - AIR MATA ACEH

TDM BERHAD FOCUS 30 TOWNHALL ROADSHOW



11&12 FEBRUARI 2026

TDM Berhad telah menganjurkan FOCUS 30: One Goal, One Drive Townhall Roadshow yang melibatkan warga kerja Kumpulan TDM merangkumi bahagian korporat, perladangan dan penjagaan kesihatan. Program ini diadakan di tiga (3) lokasi mengikut bahagian perniagaan iaitu warga ibu pejabat diadakan

di KMI Kuala Terengganu Medical Centre, bahagian penjagaan kesihatan di KMI Kuantan Medical Centre manakala bahagian perladangan di Akademi TDM, Sungai Tong.

Program ini merupakan platform komunikasi strategik bagi memperkukuh kefahaman terhadap hala tuju, strategi serta pelaksanaan sasaran Kumpulan 2030. Inisiatif ini menekankan penerapan nilai teras S.P.E.E.D sebagai panduan budaya kerja serta pemacu prestasi organisasi. Melalui penyelarasan strategi sektor Perladangan dan Penjagaan Kesihatan, TDM optimis mampu meningkatkan produktiviti, kecekapan operasi serta memperkukuh kedudukan syarikat sebagai organisasi yang mampan dan berdaya saing.

SATU PERKUKUH INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR DI DAERAH BESUT DEMI KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT

12 FEBRUARI 2026

KOMITMEN SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) DALAM MEMPERKASA INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR NEGERI TERUS DITERUSKAN MENERUSI LAWATAN TAPAK PROJEK BAGI KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI PAIP AIR SAIZ 155MM DIA. MULTILAYER UPVC PN12 BELLMOUTH SERTA PENGALIHAN TAPPING SEDIA ADA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KG. PENGKALAN NYIREH DAN KG. BATANG GERGAJI, DAERAH BESUT, TERENGGANU.



disalurkan dengan lebih cekap dan efisien kepada penduduk setempat. Ia juga bertujuan meningkatkan kebolehpercayaan dan kestabilan bekalan air bagi komuniti di kawasan berkenaan.

Usaha ini sekali lagi mencerminkan komitmen berterusan SATU dalam memastikan infrastruktur air sentiasa dipertingkatkan dan dinaik taraf dari semasa ke semasa, demi menjamin kesejahteraan komuniti serta kelangsungan kehidupan harian seluruh rakyat Terengganu.

Pelaksanaan projek ini merupakan langkah penting dan strategik dalam menambah baik sistem perpaipan sedia ada, bagi memastikan agihan bekalan air bersih dan terawat dapat

"EPIC GOLF TOURNAMENT 2026" PERKUKUH SINERGI PEMAIN INDUSTRI MINYAK, GAS DAN TENAGA.

14 FEBRUARI 2026

EPIC BERHAD BERSAMA ANAK-ANAK SYARIKAT IAITU PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN BHD (PBKSB), KONSORTIUM PELABUHAN KEMAMAN SDN BHD (KPKSB) DAN SUKMA SAMUDRA SDN BHD (SSSB) MENGANJURKAN "EPIC GOLF TOURNAMENT 2026" BERTEMPAT DI GLENMARIE GOLF & COUNTRY CLUB.



Acara turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Nara Setia, Ahli Lembaga Pengarah EPIC Berhad merangkap Yang Dipertua MAIDAM; YBrs. Ir. Ts. Haji Mohd Yusri Mohamed Yusof, Naib Presiden Kanan Projek, Kejuruteraan & Teknologi PETRONAS; YBrs. Haji Mohd Nazlee Rasol, Naib Presiden Perniagaan Huluwan PETRONAS; YBrs. Ir. Norafizal Mat Saad, Naib Presiden Perhubungan Strategik dan Komunikasi Kumpulan PETRONAS; YBhg. Dato' Sri Darwis Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL); YBrs. Ts. Syed Saggaf Syed Ahmad, Presiden MOGSC serta beberapa lagi kenamaan industri minyak, gas dan tenaga.

Kejohanan golf persahabatan ini menghimpunkan seramai 84 peserta yang terdiri daripada kontraktor pengendali petroleum (PAC), pertubuhan serta rakan industri termasuk PETRONAS, EnQuest, IPC, Jadestone Energy, Hibiscus Petroleum, Petrofac, Vestigo, PETRA Energy, EPOMS, DIALOG, DELEUM, DNEX, Ping Petroleum, MOGSC dan sebagainya.



EOGSB & BEGAS ENERGY METERAI PERJANJIAN KOLABORASI BAGI PROJEK HENTI TUGAS TERANCANG, PENYELENGGARAAN DAN PENGUBAHSUAIAN TERMINAL DI SABAH

23 FEBRUARI 2026

EPIC BERHAD, MENERUSI ANAK SYARIKATNYA EPIC OG SDN BHD (EOGSB), TELAH MEMETERAI SATU PERJANJIAN KOLABORASI BAGI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN PROJEK BERSAMA BEGAS ENERGY SDN BHD (BEGAS ENERGY) UNTUK KONTRAK HENTI TUGAS TERANCANG, PENYELENGGARAAN DAN PENGUBAHSUAIAN TERMINAL DI SABAH.

Perjanjian yang dimeterai dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di Le Méridien Kota Kinabalu itu menandakan satu lagi pencapaian syarikat dalam memperkukuh kedudukan bagi segmen perkhidmatan hiliran dan terminal di Malaysia, khususnya di Malaysia Timur. Ketika pemeteraian dokumen berlangsung, EOGB telah diwakili oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, bersama Haji Mohamad Irwan Abdul, Pengurus Besar Tenaga EPIC Berhad. Sementara itu, Begas Energy diwakili oleh Haji Mohd

Safian Saludin, Pengarah Urusan, dan Encik Shahlan Ruslan, Pengurus Operasi. Acara tersebut disaksikan oleh YB Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh, Pengerusi EOGB, bersama barisan Ahli Lembaga Pengarah EOGB yang lain.

Dengan gabungan kepakaran EOGB dalam pengurusan projek dan perkhidmatan sokongan minyak dan gas bersepadu dengan kecekapan operasi Begas Energy, kerjasama ini dijangka memastikan pelaksanaan kontrak TTAMM yang tersusun, cekap dan berkualiti.

TERENGGANU INC MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU



KUMPULAN TERENGGANU INC MEMPERUNTUKKAN RM1 JUTA BAGI BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME 2025

25 FEBRUARI 2026

MAJLIS APRESIASI PENERIMA BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME 2025 DI ANTARA TERENGGANU INC DENGAN KOLABORASI YAYASAN TERENGGANU TELAH BERLANGSUNG DENGAN PENUH MERIAH DI TINGKAT 18, WISMA DARUL IMAN.



Majlis yang berlangsung dengan gemilang itu dirasmikan oleh YB Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi & Pembangunan Insan Negeri Terengganu mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Turut hadir YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc serta Encik Ahmad Farhan bin Abdul Wahab, Pengarah Yayasan Terengganu.

Inisiatif biasiswa ini merupakan sebahagian daripada komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kumpulan Terengganu Inc serta manifestasi kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan pelajar cemerlang kelahiran Terengganu diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi tanpa kekangan kewangan.

Bagi sesi 2025, seramai 20 orang pelajar berpotensi tinggi dari seluruh daerah di Negeri Terengganu telah terpilih sebagai penerima tajaan dengan peruntukan dana berjumlah RM1 juta. Secara keseluruhan, komitmen penajaan bagi tempoh empat (4) tahun adalah sebanyak RM2.5 juta yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Terengganu Inc iaitu EPIC Berhad, TDM Berhad, Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU).



03 MAC 2026

TERENGGANU INC TELAH MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SUK), YB DATO' HAJI MOHD AZMI BIN MOHAMAD DAHAM, DI WISMA DARUL IMAN.

Delegasi tersebut diketuai oleh YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, diiringi oleh ahli-ahli pasukan pengurusan Terengganu Inc.

Sesi pertemuan ini telah memberi peluang kepada pihak Terengganu Inc

untuk berkongsi pencapaian-pencapaian utama Kumpulan Terengganu Inc serta membincangkan pelan strategik dan keutamaan bagi tahun hadapan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada YB Dato' Haji Mohd Azmi atas keprihatinan dan kelapangan masa beliau untuk menerima delegasi ini.

GOLDEN PHAROS BERHAD MELALUI KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU MENGADAKAN PROGRAM DERMA DARAH



Program derma darah ini terbuka kepada warga kerja, agensi keselamatan, dan komuniti sekitar Dungun Timber Complex (DTC) bagi menyokong simpanan darah nasional.

Kehadiran YB Hj. Ghazali Sulaiman, Ahli Lembaga Pengarah PESAKA Timber Berhad, secara tidak langsung merapatkan jurang antara pihak pengurusan dan penduduk setempat.

04 JANUARI 2026

KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU, SUBSIDIARI GOLDEN PHAROS BERHAD, TELAH MENGANJURKAN PROGRAM DERMA DARAH DENGAN KERJASAMA HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (HSNZ) PADA 4 JANUARI 2026 DI RUMAH REHAT KPKKT, BUKIT BESI.



GP AGROFORESTRY BACK TO SCHOOL

04 JANUARI 2026



Menjelang pembukaan sesi persekolahan 2026, GP Agroforestry anak syarikat Golden Pharos Berhad tampil mengambil inisiatif meringankan beban keluarga yang memerlukan melalui sumbangan dalam Program Back To School Sesi 2026 DUN Manir.

Program yang berlangsung pada 5 Januari semalam di Dewan Al-Kawthar, Kubang Lembek ini dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Suri Manir (KESUMA).

Seramai 100 orang pelajar daripada golongan asnaf, anak yatim, serta keluarga fakir miskin telah diraikan dalam majlis tersebut.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Ustaz Hilmi Harun, ADUN Manir yang juga merupakan Pengerusi GP Agroforestry. Hadir sama memberi sokongan adalah, En. Suhairi Sulong, Pengurus Besar Kanan GP Agroforestry dan En. Fauzan Abdul, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik GPB.

Program ini merupakan langkah proaktif kumpulan dalam menyokong kebajikan komuniti setempat, di samping memperkukuh agenda. Dengan memfokuskan kepada bantuan pendidikan, syarikat berharap pelaburan sosial ini dapat membantu membina masa depan masyarakat yang lebih mampan dan berdaya saing.

TDM BERHAD SANTUNI ANAK-ASNAF MELALUI PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' 2026



Majlis dirasmikan oleh YB Ustaz Hilmi Dato' Harun, ADUN Manir, serta dihadiri wakil syarikat Puan Norfar'izan Hashim, Ketua Komunikasi Korporat TDM.

Seramai 100 penerima menerima beg sekolah, bekas makanan dan sumbangan tunai RM100 bagi meringankan beban keluarga serta menyuntik motivasi pelajar.

TDM DENGAN KERJASAMA PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT (PKM) ADUN MANIR DAN IMAN CARE MENGANJURKAN PROGRAM SUMBANGAN KEBAJIKAN "BACK TO SCHOOL" BAGI MENYANTUNI ANAK-ANAK ASNAF MENJELANG SESI PERSEKOLAHAN 2026.

05 JANUARI 2026

Program ini menyokong SDG 4: Quality Education dengan menyediakan keperluan asas persekolahan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif. TDM komited memperkasa inisiatif kebajikan demi komuniti sejahtera.

KERJASAMA STRATEGIK MANIS FM DAN HSNZ: MEMPERKASA BUDAYA PENDERMAAN DARAH DI TERENGGANU

05 JANUARI 2026



Manis FM sekali lagi mengambil langkah proaktif dalam memperkukuh kesejahteraan komuniti Terengganu. Husa Network (Manis FM) dan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) telah memeterai kerjasama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

bagi tahun 2026 bagi mempromosikan kepentingan pendermaan darah kepada masyarakat luas.

Melalui perkongsian strategik ini, Manis FM akan berperanan sebagai platform komunikasi utama dengan menyiarkan iklan khidmat masyarakat (PSA) secara berterusan, menganjurkan sesi temubual bersama pakar-pakar perubatan HSNZ,

serta menjalankan kempen kesedaran yang menyeluruh melalui saluran media sosial rasminya.

MANISFM amat berbesar hati dapat menyokong sistem penjagaan kesihatan negeri sekaligus memupuk budaya prihatin dan saling membantu dalam kalangan masyarakat Terengganu.



PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH SATU 2026: SATU HULUR SET KELENGKAPAN SEKOLAH KEPADA 40 PELAJAR MANGSA BANJIR DI DUN BUKIT PAYUNG

08 JANUARI 2026 SETIAP SENYUMAN SEORANG ANAK MENJADI INSPIRASI UNTUK KITA TERUS BERBAKTI. PADA 8

JANUARI 2026, SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) BERPELUANG MENYAMPAIKAN SET KELENGKAPAN SEKOLAH KEPADA 40 PELAJAR SEKOLAH RENDAH DARIPADA 9 BUAH SEKOLAH YANG TERKESAN BANJIR DI BAWAH DUN BUKIT PAYUNG BERTEMPAT DI MYDIN MALL KUALA TERENGGANU AGAR MEREKA KEMBALI KE SEKOLAH DENGAN HATI YANG GEMBIRA DAN PENUH SEMANGAT.

Program ini diserikan dengan kehadiran Ts. Haji Abdul Karim bin Endut, Ketua Pegawai Eksekutif SATU; YM Puan Sharifah Nabihah binti Syed Omar, Penolong Kanan Pegawai Daerah Kuala Terengganu; En. Saiful Bahari bin Sulaiman, Penyelia iMITS DUN Bukit Payong mewakili YB Dato' Ustaz Haji Mohd Nor Hamzah, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu & Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Payong; En. Mohd Ikram Rashid, Penghulu Kanan Daerah Kuala Terengganu; wakil Pejabat Daerah Kuala Terengganu, wakil Pusat Khidmat Masyarakat DUN Bukit Payung, serta pihak pengurusan SATU.



KOMITMEN YANG MERENTAS JARAK, DEMI KEHIDUPAN – SATU DAN 60 REJIMEN PAKAR AIR RAJD PASTIKAN BEKALAN AIR BERSIH DI PULAU PERHENTIAN KECIL

11 JANUARI 2026

Bagi Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU), tanggungjawab sosial bukan diukur sejauh mana sesuatu lokasi itu, tetapi sejauh mana impaknya kepada kehidupan komuniti yang dilayani.

Walaupun terletak jauh di tengah lautan, Pulau Perhentian Kecil tidak pernah terpinggir daripada perhatian dan komitmen kami. Melalui inisiatif Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dijalankan bersama 60 Rejimen Pakar Air RAJD (AW), SATU telah melaksanakan kerja-kerja pengalihan paip air bersih bagi memastikan penduduk tempatan serta pengusaha pelancongan di pulau tersebut terus menikmati bekalan air yang selamat, bersih dan berterusan tanpa gangguan.

Inisiatif ini sekali lagi menzahirkan iltizam SATU bahawa setiap komuniti di Terengganu, tidak kira di daratan mahupun kepulauan, berhak mendapat akses kepada bekalan air bersih yang berkualiti demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka.



EPIC BERHAD TERUSKAN SOKONGAN KEPADA SKUAD TSG, SUNTIK TAJAAN MUSIM 2026

15 JANUARI 2026



EPIC BERHAD MENERUSKAN KOMITMENNYA DALAM MENYOKONG PEMBANGUNAN INDUSTRI SUKAN TEMPATAN APABILA SEKALI LAGI TAMPIL SEBAGAI PENAJA UTAMA SKUAD GERGASI BERBASIKAL TEMPATAN, TERENGGANU CYCLING TEAM (TSG), BAGI MENGHADAPI PERSAINGAN MUSIM BAHARU.

Penyerahan tajaan tersebut telah disempurnakan oleh Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, sempena "Majlis Memperkenalkan Pasukan Terengganu Cycling Team 2026" yang berlangsung di

Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. Majlis berkenaan telah dirasmikan oleh YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu.

Dengan gabungan barisan pelumba berpengalaman dan baharu, pihak syarikat optimis serta teruja menantikan pencapaian TSG dalam mengharungi siri perlumbaan musim ini, khususnya dalam usaha mendaki kedudukan dunia UCI.



30 JANUARI 2026

SIRI KEDUA EPIC JOM BERSIH 2026 KUMPUL 426 KG SAMPAH DI PANTAI BATU BURUK 2

EPIC Berhad meneruskan penganjuran siri program CSR "EPIC Jom Bersih 2026" yang berlangsung di Pantai Batu Buruk 2, Kuala Terengganu. Lokasi tersebut merupakan tapak pelaksanaan aktiviti pembersihan pantai dan penanaman 100 anak pokok rhu pantai yang dijalankan syarikat pada penghujung tahun lalu.

Siri kali ini menghimpunkan kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada warga kerja Pejabat Korporat EPIC Berhad, Kuala Terengganu Support Base (KTSB), Geng



Plastik Ija (GPI), Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd serta komuniti setempat.

Sebanyak 426 kilogram sampah sarap yang dibawa arus monsun serta ditinggalkan secara tidak bertanggungjawab oleh segelintir pengunjung berjaya dikumpulkan. Botol-botol plastik telah diasingkan secara sistematik untuk tujuan kitar semula oleh GPI sebagai sebahagian daripada usaha menyokong pengurusan sisa secara lebih mampan.

TDM ANJUR PROGRAM GO GREEN: BACK TO SCHOOL & KESEDARAN KITAR SEMULA DI SK PADANG KUBU



Program ini melibatkan penyertaan seramai 300 murid Tahun 1 hingga Tahun 6 bersama para guru sekolah juga pengurusan dan kakitangan TDM Berhad dan TDM Plantation Sdn. Bhd.

Melalui sesi perkongsian interaktif dan aktiviti kitar semula secara praktikal, murid didedahkan kepada kepentingan pengurusan sisa secara bertanggungjawab serta penjagaan kebersihan persekitaran. Sebanyak 153 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpulkan. Program turut diserikan dengan pengagihan beg sekolah dan alat tulis sebagai persediaan murid menghadapi sesi persekolahan baharu.

01 FEBRUARI 2026

TDM TELAH MENGADAKAN PROGRAM TDM GO GREEN: BACK TO SCHOOL & KESEDARAN KITAR SEMULA DI SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG KUBU, KEMAMAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SYARIKAT DALAM MENYOKONG PEMBANGUNAN PENDIDIKAN SERTA MEMUPUK KESEDARAN ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH.

KASIH RAMADAN: SATU MENYALURKAN 60,000 BOTOL AIR MINERAL UNTUK MASJID DI NEGERI TERENGGANU

18 FEBRUARI 2026



Bersempena bulan Ramadan 1447H yang penuh keberkatan, Syarikat Air Terengganu (SATU) telah menyalurkan sumbangan sebanyak 60,000 botol air mineral kepada 70 buah masjid di seluruh Negeri Terengganu sebagai tanda kasih sayang dan sokongan padu kepada komuniti setempat.

Dengan kerjasama Pengurus-Pengurus Daerah serta seluruh warga SATU, setiap masjid telah menerima sumbangan ini bagi

memudahkan para jemaah menunaikan ibadah dan menjalankan pelbagai aktiviti masjid sepanjang bulan Ramadan yang mulia.

Inisiatif Kasih Ramadan ini mencerminkan komitmen berterusan SATU dalam menyemarakkan syiar Ramadan, sekaligus memastikan kemudahan asas seperti air minuman yang bersih dan berkualiti dapat dinikmati oleh seluruh jemaah masjid di Terengganu tanpa sebarang halangan.



07 FEBRUARI 2026

TERENGGANU INC PADANG MARAS FUN RUN 3.0

TERENGGANU INC PADANG MARAS FUN RUN 3.0 BERLANGSUNG MERIAH DI KAMPUNG PADANG MARAS YANG BERTEMAKAN 'RIUH SEKAMPUNG' DENGAN PENYERTAAN LEBIH 800 PESERTA DARIPADA PELBAGAI LAPISAN USIA.



Penganjuran acara larian sejauh lima kilometer ini bukan sekadar aktiviti larian biasa, malah sebuah pesta komuniti yang mengangkat keindahan desa dan warisan tempatan Kampung Maras ini. Keunikan acara ini terserlah apabila para peserta memperagakan busana tradisi, sekaligus mencerminkan jati diri budaya serta menyemarakkan suasana warna-warni sepanjang laluan larian.

Memasuki edisi ketiga penganjurannya, Padang Maras Fun Run 3.0 terus berperanan sebagai platform mempromosikan gaya hidup yang sihat dalam komuniti, di samping mengangkat nilai budaya serta adat masyarakat setempat yang menjadi teras kebersamaan.



AGIHAN BUBUR LAMBUK – ACARA TAHUNAN TERENGGANU INC DI MASJID ABIDIN



Pengurusan Masjid Abidin (Masjid Negeri) serta Ustaz Wan Mohd Hazim Bin Mohamed @ Wan Mohd Hashim selaku Ketua Eksekutif Masjid Abidin (Masjid Negeri).

Sebanyak 3,000 bekas bubur lambuk telah berjaya diagihkan pada program yang berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 22 hingga 24 Februari 2026 bersamaan 4 hingga 6 Ramadan 1447H.

Tradisi ini merupakan salah satu usaha Terengganu Inc untuk mendekati masyarakat disamping mengekalkan warisan tradisi di bulan Ramadhan yang mulia ini. Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini diberkati dan memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat.

Agihan telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Terengganu Inc dengan diiringi oleh YB. Ustaz Haji Ahmad Shah Bin Muhamed, ADUN Bandar. Turut serta dalam sesi agihan ialah YM. Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh bin Syed Yusof AlZawawi, Pengerusi Lembaga

22&24 FEBRUARI 2026

TERENGGANU INC HARI INI MENERUSKAN TRADISI AGIHAN BUBUR LAMBUK SECARA PERCUMA KEPADA ORANG AWAM DI PERKARANGAN MASJID ABIDIN, KUALA TERENGGANU.

TDM BERHAD MEMERIAHKAN AIDILFITRI BERSAMA ANAK YATIM DAN ASNAF DUN PENGKALAN BERANGAN



28 FEBRUARI 2026

TDM dengan kerjasama Kelab Kebajikan Saf Wanita Terengganu (SAFWA) menganjurkan Program Shopping Baju Raya bagi 98 anak yatim dan anak asnaf dari DUN Pengkalan Berangan sebagai persiapan menyambut Aidilfitri. Majlis ini diserikan dengan kehadiran YB Ustaz Sulaiman Sulong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Berangan bersama barisan pengurusan TDM.

Program ini memberi peluang kepada golongan kurang bernasib baik untuk memilih pakaian baharu sambil mengeratkan silaturahim dengan komuniti setempat. TDM komited meneruskan inisiatif seumpama ini, selaras dengan aspirasi syarikat untuk menyokong kebajikan sosial, pembangunan komuniti serta memupuk semangat keprihatinan dan perpaduan di kalangan masyarakat.



EPIC BERHAD SANTUNI 140 ANAK ASNAF KUALA TERENGGANU MELALUI PROGRAM JALINAN KASIH RAMADAN 2026



28 FEBRUARI 2026

EPIC Berhad meneruskan tradisi menyantuni komuniti melalui penganjuran program Jalinan Kasih Ramadan 2026 yang meraihan seramai 140 anak asnaf sekitar Kuala Terengganu di Gedung Tekstil Jakel Gong Badak. Program yang mendapat kerjasama Jakel Trading Sdn Bhd cawangan Gong Badak ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim Mohamed @ Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu merangkap Pengarah EPIC Berhad; Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad serta Encik Bukhari Zainuddin, Pengurus Kanan Jakel Trading Gong Badak.

Jalinan Kasih Ramadan merupakan sebahagian daripada inisiatif keterlibatan komuniti EPIC Berhad yang dilaksanakan secara konsisten setiap tahun, khususnya menjelang Aidilfitri. Program tersebut pada tahun ini memberi manfaat kepada 210 anak asnaf berusia enam hingga 11 tahun dari dua daerah, iaitu Kemaman dan Kuala Terengganu, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM60,000.



SATU, JBA DAN KKDW TURUN PADANG DI DAERAH BESUT – NILAI KEPERLUAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SECARA MENYELURUH

03 MAC 2026

PEKA TERHADAP KEPERLUAN KOMUNITI SETEMPAT, SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) BERSAMA JABATAN BEKALAN AIR (JBA) NEGERI TERENGGANU DAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) TELAH MENGADAKAN SESI TURUN PADANG DI BEBERAPA LOKASI SEKITAR DAERAH BESUT BAGI MENILAI SECARA MENYELURUH KEPERLUAN SEBENAR BEKALAN AIR LUAR BANDAR.

Pendekatan ini bukan sekadar lawatan tapak, tetapi sebahagian daripada proses penilaian strategik yang meneliti sumber air, keupayaan infrastruktur sedia ada, keperluan teknikal serta cabaran operasi yang dihadapi komuniti setempat. Dapatkan lapangan ini akan menjadi asas kepada perancangan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang lebih berstruktur, mampan dan berimpak tinggi.

Komitmen ini menzahirkan iltizam SATU untuk memperluas akses kepada bekalan air bersih yang selamat dan berterusan, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 6 (SDG 6): Air Bersih & Sanitasi, demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri yang inklusif serta mampan.





SANTAI IFTAR BERSAMA MEDIA: TERENGGANU INC HARGAI PERANAN PENGAMAL MEDIA SEMPENA RAMADAN



03 MAC 2026

LEBIH 30 ORANG PENGAMAL MEDIA TELAH MEMENUHI JEMPUTAN DALAM SANTAI IFTAR BERSAMA MEDIA DAN TERENGGANU INC GROUP CORPORATE COMMUNICATION (TIG CORPORATE COMM) YANG BERLANGSUNG DI PERKARANGAN KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU.



Majlis yang dianjurkan oleh Terengganu Inc ini turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu merangkap Ahli Lembaga Pengarah Terengganu Inc, yang turut sama menyantuni dan beramah mesra bersama para pengamal media yang hadir.

Majlis iftar ini diadakan sebagai tanda penghargaan ikhlas Terengganu Inc kepada para pengamal media atas komitmen dan dedikasi mereka dalam meliput berita serta menyebarkan maklumat berkaitan Kumpulan Terengganu Inc kepada khalayak umum. Selain itu, majlis ini turut menjadi platform terbaik untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan memupuk kesefahaman yang lebih erat antara Terengganu Inc dan warga media yang telah lama menjalin kerjasama yang harmoni.



03 MAC 2026 ZAKAT ASNAF 2026 & MAJLIS BERBUKA PUASA: LRTSB HULURKAN LEBIH RM300,000 KEPADA KOMUNITI SEMPENA RAMADAN

Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (LRTSB) telah mengambil inisiatif mulia dengan menganjurkan Majlis Pengagihan Zakat Asnaf dan Majlis Berbuka Puasa bagi menyantuni golongan yang memerlukan. Majlis tersebut telah berlangsung dengan penuh bermakna di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam.

Sejumlah lebih RM300,000 telah diagihkan kepada penerima zakat merangkumi lima (5) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)

iaitu DUN Wakaf Mempelam, DUN Bandar, DUN Ladang, DUN Seberang Takir dan DUN Batu Rakit. Selain itu, agihan zakat turut meliputi pelajar daripada 15 buah sekolah rendah dan menengah dalam kawasan operasi LRTSB sebagai sebahagian daripada usaha menyokong golongan pelajar yang memerlukan.

Majlis penyampaian zakat telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi LRTSB, yang sudi hadir untuk menyerahkan

agihan zakat secara terus kepada para penerima dan wakil-wakil mereka. Dalam ucapan beliau, Yang Berhormat Dato' Pengerusi turut merakamkan harapan agar seluruh hadirin sudi mendoakan kejayaan dan keuntungan yang lebih besar buat LRTSB pada masa hadapan. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah LRTSB, Pengurusan Kanan serta Ketua-Ketua Bahagian LRTSB.

03 MAC 2026

MERAIKAN RAMADAN DENGAN PENUH MAKNA: LADANG RAKYAT TRENGGANU ANJUR MAJLIS IFTAR DAN AGIHAN ZAKAT KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (LRTSB) telah menganjurkan Majlis Iftar Ramadan 2026 sebagai tanda penghargaan kepada seluruh kakitangan dan pengurusan syarikat. Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh keakraban ini turut dimeriahkan dengan program agihan zakat kepada 10 buah Sekolah Agama Rakyat di seluruh Negeri Terengganu.

Agihan zakat tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi LRTSB, diiringi oleh Ketua Eksekutif, YM Tuan Haji Che Ku Hafeez bin Che Ku Denang. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah LRTSB, tetamu jemputan serta seluruh warga kerja LRTSB.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen LRTSB dalam menyokong pendidikan agama di Terengganu sekaligus memupuk semangat kebersamaan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga syarikat sepanjang bulan Ramadan yang mulia.





TERENGGANU INC
BERSAMA ANAK

SYARIKAT KUMPULAN MENYERTAI PELITER @KSNT 2026

27 FEBRUARI 2026 – 03 MAC 2026

TERENGGANU INC BERSAMA ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN DENGAN PENUH SEMANGAT MENYERTAI PELITA RAYA 2026 YANG MENAMPILKAN TEMA ISTIMEWA "RIUH SEKAMPUNG", SEBUAH KONSEP PERKAMPUNGAN TRADISIONAL TERENGGANU YANG MEMUKAU DAN SARAT DENGAN NILAI WARISAN BUDAYA.

Rumah Pelita yang didirikan ini menggunakan Pohon Gelam (kayu putih) sebagai bahan utama dalam pembinaan tiang-tiang dan rumah pelita di tapak pameran, mencerminkan keindahan kearifan tempatan yang begitu bernilai dan autentik.

Menyempurnakan lagi program ini, YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, turut meluangkan masa untuk melawat tapak sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada penglibatan Kumpulan Terengganu Inc dalam menjayakan sambutan Pelita Raya 2026 yang begitu bermakna ini.



LOKAN BAKAR SETIU JADI TARIKAN UTAMA RUMAH PELITA RAYA TERENGGANU INC 2026



Rumah Pelita Raya Terengganu Inc menjadi tumpuan para pengunjung bukan sahaja kerana keindahan hiasan pelitanya, malah turut mencuri perhatian dengan juadah istimewa yang menjadi kegunaan ramai, Lokan Bakar Setiu Wetland!

Sebanyak 30 kilogram hidangan Lokan Bakar laris terjual setiap hari sepanjang empat hari penganjuran Pelita Raya Terengganu 2026, membuktikan betapa tingginya sambutan pengunjung terhadap sajian istimewa ini. Rata-rata pengunjung terpesona dengan keenakan lokan bakar yang segar, tidak hanyir serta diperap dengan ramuan rempah istimewa yang menyelerakan dan sesuai untuk semua peringkat usia.

Kesemua lokan ini dibawa khas dari Setiu Wetland oleh pengusahanya, Encik Ismail, bagi memastikan kualiti dan kesegaran terbaik sampai ke tangan para pengunjung – satu usaha yang amat dihargai dan menjadi bukti komitmen terhadap produk tempatan berkualiti tinggi.





QASEH RAMADAN: TERENGGANU INC DAN UiTM KUALA TERENGGANU HULUR BANTUAN KEPADA PELAJAR ASNAF SK PAYA RESAK

09 MAC 2026

MENGAMBIL INISIATIF MURNI DALAM MENYANTUNI GOLONGAN YANG MEMERLUKAN, TERENGGANU INC DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KAMPUS KUALA TERENGGANU TELAH MELANCARKAN PROGRAM 'QASEH RAMADAN' SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) BAGI MEMBERI MANFAAT KEPADA MURID-MURID ASNAF DARI SEKOLAH-SEKOLAH BERHAMPIRAN.

Bagi program ziarah Qaseh Ramadan kali ini, SK Paya Resak telah dipilih sebagai destinasi pertama kunjungan, memberi peluang kepada pihak penganjur untuk bertemu muka dengan keluarga murid-murid penerima sumbangan. Biarpun kepayahan yang mereka tempuhi pada Ramadan ini tidak sama dengan yang lain, namun di wajah mereka terpancar ketenangan dan rasa redha dengan ketentuan Ilahi. Semoga sumbangan yang dihulurkan ini besar ertinya buat mereka dan keluarga.

Hadir sama bagi menyampaikan bantuan ialah YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc; Dr. Syahrul Hezrin Mahmud, Timbalan Rektor UiTM Kampus Kuala Terengganu; Encik Kamarulzaman bin Ismail, Pegawai Pendidikan Daerah; serta Guru Besar dan guru-guru SK Paya Resak.

Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban golongan yang memerlukan. Terengganu Inc kekal komited dalam meneruskan usaha-usaha jangkaun komuniti demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Terengganu.

TERENGGANU INC MENYANTUNI 30 KELUARGA ASNAF DAN KURANG BERKEMAMPUAN DI DUN LANGKAP, SETIU DALAM PROGRAM TAHUN JEJAK RAMADAN 1447H/2026M



Menyedari hakikat ada di antara saudara-saudara kita yang masih berjuang untuk menyambut hari yang mulia ini dengan penuh kesederhanaan, Terengganu Inc meneruskan inisiatif tahunan Jejak Ramadan, satu perjalanan hati yang membawa 30 warga kerja Terengganu Inc turun padang, menziarahi 30 keluarga layak menerima zakat dan B40 di kawasan DUN Langkap, Sungai Tong, Setiu.

Hadir bersama adalah YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc menyantuni keluarga-keluarga penerima sumbangan ini dengan lebih rapat dan ikhlas.

Turut serta menyerahkan sumbangan adalah YB Azmi Maarof, ADUN Langkap, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Langkap dan MPKK yang terlibat. Semoga sumbangan kami dapat meringankan beban mereka menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Setiap pintu yang kami ketuk, setiap wajah yang kami temui, mengajar kami erti syukur yang sesungguhnya. Ada ibu yang menahan sebak, ada anak-anak kecil yang tersenyum polos, ada ketua keluarga yang berdepan kesukaran namun tetap tabah. Semua itu menjadi cermin buat kami, untuk terus menghulur bantuan dan sumbangan untuk dikongsi bersama mereka yang memerlukan.



JOM SHOPPING RAYA: TERENGGANU INC BAWA 30 MURID SK GONDANG BERAYA DI KTCC MALL

11 MAC 2026

TERENGGANU INC MENERUSKAN KOMITMEN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SEPANJANG BULAN RAMADAN DENGAN MERAIKAN 30 ORANG MURID DARIPADA KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN DI SK GONDANG, MARANG MENERUSI PROGRAM 'JOM SHOPPING RAYA'.

Program dimulakan dengan sesi penyerahan duit raya dan penyerahan abang dan kakak angkat yang akan menemani adik-adik SK Gondang ber'shopping' raya di KTCC Mall, Kuala Terengganu untuk memilih sendiri kelengkapan Hari Raya termasuk pakaian dan keperluan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang menjelang tiba.

Turut hadir menyantuni para pelajar ialah YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bersama YB Sulaiman Sulong, ADUN Pengkalan Berangan, Encik Mohd Ridhuan Bin Ismail Timbalan PPD Sektor Pembangunan Murid Pejabat Pendidikan Daerah Marang, serta Encik Che Aslan Bin Che Ismail Guru Besar SK Gondang, Marang.

Semoga kegembiraan ini menjadi kenangan indah buat adik-adik penerima sumbangan di SK Gondang, dalam merencana perjalanan mereka yang masih panjang menjadi insan yang cemerlang dan berjasa pada masa akan datang.



TERENGGANU INC RAIKAN 150 MURID DAN PELAJAR MENERUSI PROGRAM QASEH RAMADAN SEMPENA BULAN RAMADAN YANG PENUH KEBERKATAN

16 MAC 2026

Terengganu Inc terus menzahirkan komitmen terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang bulan Ramadan yang penuh keberkatan menerusi penganjuran program Qaseh Ramadan, dengan meraikan seramai 150 orang murid daripada 4 sekolah dan 2 madrasah di sekitar Kuala Terengganu, termasuk 19 orang pelajar dari UiTM Cawangan Terengganu.

Turut hadir meraikan murid-murid dan pelajar-pelajar penerima sumbangan Qaseh Ramadhan ialah YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,



Terengganu Inc, Dr. Syahrul Hezrin bin Mahmud, Timbalan Rektor UiTM Kampus Kuala Terengganu, Pengurus Mydin Mall Terengganu, wakil PPD Kuala Terengganu dan Marang serta guru besar sekolah-sekolah berkenaan.

Sumbangan dihulur diharap dapat membantu keluarga murid-murid dan pelajar-pelajar penerima sumbangan dalam kegembiraan membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba nanti.



TERENGGANU INC ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN IFTAR RAMADAN BUAT KALI KEENAM

16 MAC 2026

TERENGGANU INC SEKALI LAGI BERJAYA MENGANJURKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN IFTAR RAMADAN, MENANDAKAN PENGANJURAN KALI KEENAM SEBAGAI USAHA BERTERUSAN DALAM MENYEMARAKKAN BULAN RAMADAN YANG PENUH KEBERKATAN.



Majlis yang berlangsung dengan penuh hikmah dan keinsafan ini diserikan dengan kehadiran YBrs. Ustaz Haji Mohd Nazri bin Chik, Ahli Lembaga Pengarah Terengganu Inc; YBhg. Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc; Mohd Fadhli Rahimi Zulkifli, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu; barisan

ketua syarikat Kumpulan Terengganu Inc; serta seluruh warga kerja Terengganu Inc.

Majlis dimulakan dengan sesi Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ustaz Syed Norhisyam Tuan Padang bersama 18 orang warga kerja Terengganu Inc. Program diteruskan dengan tazkirah Ramadan yang penuh pengisian rohani, diikuti dengan majlis iftar secara beramai-ramai dalam suasana

penuh keakraban dan ukhuwah. Majlis diakhiri dengan solat Isyak dan Terawih berjemaah yang diimamkan oleh YBrs. Ustaz Haji Mohd Nazri bin Chik.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Terengganu Inc dalam memperkukuh nilai-nilai murni, mempererat hubungan silaturrahim dalam kalangan warga kerja, sekaligus menghayati keistimewaan dan keberkatan bulan Ramadan al-Mubarak.

TI PROPERTIES MENYANTUNI 70 ORANG IBU TUNGGAL MELALUI PROGRAM SENTUHAN KASIH AIDILFITRI



16 MAC 2026

TI Properties Sdn Bhd telah melaksanakan program CSR bertajuk "TI Prop Harmoni Sejagat: Sentuhan Kasih Aidilfitri Bersama Ibu Tunggal" bagi menyokong 70 orang ibu tunggal daripada kategori asnaf miskin dan asnaf fakir di DUN Ajil dalam persiapan menyambut Aidilfitri.

Setiap penerima menerima baucar membeli-belah bernilai RM300 di Giant Kuala Terengganu, manakala bantuan tunai

tambahan RM6,000 turut diagihkan kepada kumpulan ibu tunggal yang lain. Jumlah keseluruhan sumbangan adalah RM18,000, dibiayai melalui Wakalah Zakat Majikan MAIDAM.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan TI Properties dalam meringankan beban kewangan golongan yang memerlukan, sekaligus memastikan mereka dapat menyambut Aidilfitri dengan selesa dan penuh kegembiraan.